

Complaints - COURTS - Barangan Tidak Berkualiti

Written by Administrator

Thursday, 10 September 2009 14:58 - Last Updated Thursday, 10 September 2009 15:03

Kami telah membeli barangan set KITCHEN CABINET WITH HOOD AND HOB dengan bayaran cash pada 230807 dan pada 220907 dapati dapur masakan kami telah mengalami kebocoran gas dan kami telah menghubungi pihak Courts dibahagian service dan pihak Courts telah menukar satu set dapur gas yg baru.

Pada 290308 ,selepas 10 minit isteri saya siap memasak didapur tersebut tiba-tiba terdengar satu bunyi crack seperti benda pecah ,setelah diteliti kami dapati kaca (hob) dapur gas telah retak seribu dan terpelanting ke lantai ,mengakibatkan anak saya terpijak kaca itu lalu berdarah ,setelah itu isteri saya terus menghubungi pihak Courts service dan mereka akan segera datang dan memberi berbagai alasan ,sehingga sekarang dapur gas kami masih dalam keadaan terbengkalai .(barangan kami belum pun cukup 1tahun dari tarikh pembelian)